



KENYATAAN MEDIA

FESTIVAL SENI HIDUP SARAT DENGAN PROGRAM KEILMUAN

KUALA LUMPUR : Festival Seni Hidup @ *Living Arts Culture Festival 2018* telah dilaksanakan pada 9, 10 & 11 November 2018. Program yang berlangsung selama tiga (3) hari ini menghimpunkan 14 penyertaan dalam negara dan empat (4) penyertaan antarabangsa iaitu Indonesia, Vietnam, Cambodia dan Australia. Sebanyak empat (4) kesenian yang telah diiktiraf oleh Pertubuhan Pendidikan, Saintifik dan Kebudayaan Pertubuhan Bangsa Bangsa Bersatu (UNESCO) telah dipersembahkan kepada khalayak iaitu Makyong (Malaysia), Tari Saman (Indonesia), Nyanyian Ca Tru (Vietnam), Tari Klasik Khmer (Cambodia). Selain itu turut diangkat warisan kebangsaan dan kesenian yang memerlukan perhatian dan kurang ditonjolkan kepada masyarakat.

Selain persembahan kesenian, Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN), Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia dengan kerjasama erat Pusat Pelancongan Malaysia (MaTiC), Galeri PETRONAS dan Pusat Budaya Pusaka telah melaksanakan beberapa program keilmuan dan bengkel sepanjang festival ini berlangsung.

Penganjuran siri bengkel dan forum seni tradisional ini bertujuan untuk mengangkat dan memartabatkan keunikan warisan seni budaya terus

kepada khalayak secara lebih dekat. Secara tidak langsung menyemarak, serta menjadi pencetus kepada usaha pemuliharaan dan pemeliharaan yang berterusan khususnya kepada generasi muda.

Sebanyak tiga (3) bengkel dan dua (2) forum telah diadakan sepanjang festival berlangsung. Pada 10 November 2018, Bengkel Tarian Saman bersama Sanggar Inen Banyak Teri (Indonesia) telah dilaksanakan di MaTiC. Manakala Forum Teater Tradisional Bangsawan dengan tajuk Lestari atau Legasi Baru telah dilaksanakan di Galeri PETRONAS. Panel forum terdiri daripada Pat Ibrahim, Zack Zaideen, Dr Marlenny Deenerwan, Dr. A.S Hardy Shafii, Zaifri Hussin dan Mohd Kamarulzaman Taib sebagai moderator.

Manakala pada 11 November 2018 turut berlangsung Bengkel Makyong - Mengadap Rebab oleh Zamzuriah Zahari di MaTiC. Manakala di Galeri PETRONAS telah Forum Jikey: Perbandingan Struktur Persembahan Jikey (Malaysia), Likey Pa (Thailand), dan Yike (Cambodia), yang menampilkan barisan panel terdiri daripada Dr. A.S Hardy Shafii, Siti Salwani Shaari, Saipol Bahari Mohd Iman, dan moderator oleh Dr. Rosdeen Suboh. Selain itu, Bengkel Lukisan Titik oleh pelukis orang asli dari Australia iaitu Otto Jungarrayi Sims turut dilaksanakan di Galeri PETRONAS. Lukisan titik (*dot painting*) merupakan seni lukis yang menjadi medium untuk menceritakan kisah dan budaya orang asli di Australia. Memandangkan penyertaan menggalakkan, pihak penganjur turut mengadakan bengkel di MaTiC pada 10 November 2018.

Festival Seni Hidup yang telah disempurnakan oleh YBhg Datuk Rashidi bin Hasbullah, Ketua Setiausaha Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia juga turut memberi satu lagi tanda aras dalam perkembangan seni Tradisional Malaysia melalui pelancaran Album Anak Seni Zamzuriah Zahari yang menghimpunkan lagu – lagu Makyong, Mek Mulung, Dikir Barat dan juga lagu ciptaan baharu.

Disediakan oleh:

Ezlina Alias

Pengarah

Unit Komunikasi Korporat

Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara

03-2614 8200

LAMPIRAN: SENARAI PENGLIBATAN FESTIVAL SENI HIDUP 2018

Festival yang berlangsung selama tiga (3) hari ini akan menghimpunkan seramai 150 orang peserta iaitu 14 penyertaan dalam negara dan empat (4) penyertaan luar negara seperti berikut;

BIL	BUTIRAN PESERTA	PENGISIAN	NEGARA
1.	Otto Jungarrayi Sims	Demonstrasi dan Pameran Lukisan Dot	Australia
2.	Cambodia Artist Troupe	Khmer Classical Dance (Royal Ballet of Cambodia)	Cambodia
3.	Sanggar Inen Manyak Teri	Tarian Saman	Indonesia
4.	Ca Trù Than Long	Ca Tru Singing	Vietnam
5.	Zamzuriah Zahari & Kumpulan Kesenian JKKN	Mak Yong	Malaysia
6.	Masruh Siadek @ Pak Isun – Isun	Isun – Isun	Malaysia
7.	Romli Bin Mahmud	Awang Batil	Malaysia
8.	Wau Ensemble	Ensemble Muzik Tradisional Cina	Malaysia
9.	Dhol Federation	Dhol	Malaysia
10.	Kumpulan Mah Meri Pulau Carey	Demonstrasi Pembuatan Topeng Mah Meri & Jualan Kraf Mah Meri	Malaysia
11.	Artis Tari Istana Budaya	Joget Gamelan	Malaysia
12.	Akademi Arjunasukma	Wayang Kulit & Dikir Barat	Malaysia
13.	Kumpulan Bimbingan Seni Cemerlang Ibu Pejabat	Tari Inai	Malaysia

14.	Kumpulan Kesenian JKKN (Muzik)	Seleksi Muzik Melayu Asli & Dondang Sayang	Malaysia
15.	Pat Ibrahim Project Entertainment	Bangsawan Dendam Laksamana	Malaysia
16.	Shaq Koyok	Pameran Lukisan	Malaysia
17.	Che Mat Jusoh	Tarik Selampit	Malaysia
18.	Universiti Malaya	Jikey	Malaysia